

Program mega basmi miskin tegar

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) semalam memutuskan untuk melaksanakan Program Lonjakan Mega Luar Bandar di seluruh negara, dengan matlamat mengeluarkan 10,000 keluarga miskin tegar daripada garis kemiskinan.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin, berkata pada mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu menetapkan ia di-

FAKTA NOMBOR

Program Lonjakan
Mega Luar Bandar

10,000

Keluarga miskin tegar akan dibantu

4

Kawasan sebagai projek perintis

laksanakan mengikut konsep agropolitan, dengan mewujudkan pusat pertumbuhan selain perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berasaskan pertanian serta penternakan.

"Menerusi konsep agropolitan, kawasan pertumbuhan baru ini akan menjadi pemangkin kepada pembangunan di kawasan sekitar merangkumi kampung tradisi dan kampung Orang Asli yang selama ini mundur, terpencil dan terbiar," katanya dalam kenyataan dikeluarkan di sini, semalam.

Katanya, antara kemudahan yang bakal disediakan ialah infrastruktur seperti air, elektrik dan jalan raya;

projek ekonomi seperti ladang komersial, tanaman kontan, ternakan dan perikanan serta penyediaan tasaka, tadika, kursus dan latihan kemahiran kepada kumpulan sasar.

Abdul Aziz berkata, buat permulaan projek perintis akan dilaksanakan di empat kawasan dengan jangkaan peserta akan memperoleh hasil dalam tempoh 30 bulan.

Kawasan itu ialah Pulau Banggi, Sabah; Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Kelantan; Wilayah Ganda, Grik, Perak dan Gahai, Lipis, Pahang.